

Sorok bayi dalam beg

H.M M15 8 8103107

Pelajar tumpah darah ketika latihan sukan dipercayai dirogol ahli keluarga terdekat

>>Oleh Amir Abd Hamid

am@hmetro.com.my

SERI MANJUNG: Seorang pelajar sekolah menengah di sini sanggup menyembunyikan bayi yang baru dilahirkan dalam beg pakaiannya bagi mengelakkan diketahui rakan dan guru.

Dia bagaimanapun gagal menutup perbuatannya itu apabila mengalami tumpah darah ketika menjalani la-

tihan sukan, kelmarin.

Difahamkan, pelajar berusia 16 tahun itu mengandungi selepas menjadi mangsa rogol ahli keluarga terdekat, bagaimanapun, polis enggan mengulas mengenai perkara itu kerana masih dalam siasatan.

Kejadian berlaku kira-kira jam 1.30 tengah hari kelmarin apabila pelajar tingkatan empat itu mengadu sakit perut kepada seorang guru ketika latihan sukan.

Dia kemudian dibawa ke bilik rawatan sekolah.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Zainuddin Yaacob, berkata beberapa rakan mendapati pelajar itu semakin lemah dan pucat kerana mengalami pendarahan yang banyak.

Beliau berkata, rakan pelajar itu seterusnya melaporkan kepada guru bertugas.

Zainuddin berkata, guru berkenaan yang bimbang dengan keadaannya segera

membawa pelajar terbabit ke Hospital Seri Manjung (HSM) untuk menjalani rawatan lanjut.

“Doktor yang merawat pelajar itu akhirnya berjaya mengesan pelajar terbabit baru saja melahirkan anak.

“Pada mulanya dia tidak mengaku dia sudah melahirkan anak tetapi selepas didesak berkali-kali oleh doktor, akhirnya dia memberitahu anak yang dilahirkan itu disimpan di dalam

beg yang dibawa bersama ke hospital itu,” katanya ketika dihubungi.

Doktor terus membuka beg pakaian yang dibawa pelajar itu tetapi mendapati bayi perempuan berkenaan sudah meninggal dunia.

Beliau berkata, polis masih meniasat kes berkenaan dan tiada tangkapan dibuat setakat ini.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan

Teknologi negeri, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir ketika dihubungi, berkata beliau menganggap perkara itu serius dan meminta polis segera menjalankan siasatan.

Katanya, pengurusan sekolah belum menghantar laporan berhubung kes itu.

“Pelajar itu akan dibela dan siasatan menyeluruh perlu untuk mencari punca sama ada berlaku unsur jenayah seperti kes rogol atau dera terhadapnya,” katanya.